

03 NOV 2003

Mahathir-Bangladesh/I

MEDIA BANGLADESH JUGA PUJI DR MAHATHIR

Oleh: Shafiqul Bashar

DHAKA, 3 Nov (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad

turut mendapat pujian media Bangladesh kerana kepimpinan berani dan usaha

gigih menyatupadukan umat Islam dan negara-negara membangun.

Sejak seminggu lepas, semua akhbar utama telah menyiarkan

pelbagai

rencana dan artikel mengenai Dr Mahathir dengan tumpuan utama

terhadap

ucapannya pada Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC)

ke-10 di

Putrajaya bulan lepas.

Kesemua empat buah stesen televisyen Bangladesh juga menyiarkan program-program mengenai Dr Mahathir dan pembangunan Malaysia

sepanjang 22

tahun diterajui olehnya.

Kebanyakan akhbar terbitan Ahad menyiarkan rencana pengarang

yang

mengulas mengenai persaraan Dr Mahathir Jumaat lepas.

Akhbar The Daily Star menyatakan "Dr Mahathir dan Malaysia

begitu

sinonim. Dasar-dasarnya begitu berjaya sehingga membawa negara ke

tahap

pembangunan yang cemerlang".

Akhbar The News Today pula dalam rencana bertajuk "Legasi

Mahathir"

menyatakan "Malaysia bukan bersendirian mewarisi legasi Mahathir Mohamad,

ia akan menjadi contoh inspirasi kepada yang lain."

Akhbar itu turut memuji pendirian tegas Dr Mahathir terhadap

dasar

imperialisme Barat.

"Dr Mahathir bukan bin Laden atau Saddam; tetapi dia tetap

menyakiti

negara-negara Barat dengan keberaniannya menyuarakan kebenaran

dengan

lantang," kata akhbar itu.

Beberapa akhbar lain yang menyiarkan rencana pengarang tentang

persaraan Dr Mahathir ialah The Independent, New Age serta akhbar-

akhbar

bahasa Benggali Janakantha (Suara Rakyat) dan Jugantar.

Janakantha menyifatkan Dr Mahathir dan Malaysia sebagai sahabat

karib

Bangladesh.

Akhbar harian tertua Bangladesh, The Ittefaq dalam rencana muka

depannya menyifatkan Dr Mahathir sebagai pemimpin besar Asia dan

memuji
peranannya menentang keganasan dan fundamentalisme agama.

-- BERNAMA

SHB AHH MOZ